



TATACARA PENGURUSAN PEROLEHAN BAHARU (MENGGUNAKAN SUMBER DANA DALAMAN) LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

PENYATA Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengurusan Lembaga Pelabuhan Bintulu

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP-PRINSIP PEROLEHAN

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU dikehendaki memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan seperti berikut:-

- a. Akauntabiliti Awam
- b. Diuruskan Secara Telus
- c. Nilai Faedah Yang Terbaik
- d. Saingan Terbuka
- e. Adil dan Saksama

Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) diberi kuasa dan akauntabiliti penuh serta bertanggungjawab untuk membuat keputusan berkaitan semua perolehan berdasarkan tatacara ini termasuk pengauditan awam. LPB juga hendaklah memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara selaras dengan prinsip perolehan dan *good governance*. Sekiranya terdapat kebarangkalian *conflict of interest* atau *excessive power*, Lembaga Pengarah LPB boleh mencadangkan penambahbaikan kepada tatacara ini dari semasa ke semasa dan diperakukan oleh Lembaga Pengarah LPB.

Bagi pihak Lembaga

.....
DATUK DR STEPHEN RUNDI AK UTOM
Pengerusi

Bagi pihak Pengurusan LPB

.....
TUAN ZULKURNAIN BIN AYUB
Pengurus Besar

Tarikh : **29 MAR 2017**